

Headline	ISU		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	146 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,886
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,657



ISU

■ MUNGKIN ramai tersenyum melihat gelagat Lim Guan Eng siap dengan secawan kopi dan tanda nama Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahya di atas meja seolah-olah beliau benar-benar ingin membuktikan tiada apa-apa berbangkit mengenai pembelian banglo yang harganya di bawah harga pasaran semasa.

SABAHAN

■ SAYA tak rasa perbandingan agama dibuat Dr. Zakir Naik bertujuan menghina agama lain sebaliknya penceramah antarabangsa itu hanya memperlihatkan kepada orang ramai tentang keindahan Islam itu sendiri. Kena dengar dan hayati betul-betul.

PEMINAT

■ MENTERI cakap harga barang naik kerana peniaga tiada etika dan kenapa pula peniaga tiada etika? Ini kerana menteri tak buat kerja dan peniaga tamak 'naik kepala'.

014-265XXXX

■ UNTUK makluman, saya cuma mampu beli ikan kembung sahaja. Setakat itu sahaja rezeki saya tetapi saya bersyukur!

PAK DIN TM

■ MARA dan Tabung Haji ditubuhkan dengan fungsi membantu Melayu namun ada orang kita sendiri mencemarkan maruah institusi berkenaan dengan tohmannan dan fitnah tanpa bukti. Hentikan kerja sia-sia itu dan buatlah perkara yang memberi faedah kepada orang Melayu.

017-610XXXX

■ BARISAN Kabinet bayangan iaitu Anwar Ibrahim jadi Perdana Menteri, Lim Kit Siang (Timbalan Perdana Menteri), Lim Guan Eng (Penasihat Negara) dan Mohamad Sabu jadi Menteri Dalam Negeri. Apakah pada masa itu rakyat khususnya Melayu baru nak rasa menyesal? Fikir-fikirkanlah!

012-578XXXX

■ KEMBALILAH bersatu wahai orang Melayu dan pertahankan perjuangan asal kalian!

ALFA ROMEO

■ SEWAKTU saya bersekolah dahulu keputusan peperiksaan Bahasa Melayu boleh dikatakan baik dan lulus. Jika sekarang dilakukan sekali lagi mungkin gagal.

012-302XXXX

■ KERANA tak mahu diganggu, seorang bapa melarang anak-anaknya berbuat 'bising' di dalam rumah dan memberi pelepasan kepada mereka 'bermain' jauh di luar. Mungkin corak isyarat serupa diberikan Manila kepada kumpulan di selatan Filipina yang sering menceroboh Sabah.

PMK SANGLANG

Headline	PTPTN tiada unsur riba		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	213 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,248
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,744



PTPTN tiada unsur riba

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUAR
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 APRIL

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menegaskan pembiayaan pinjamannya tidak mempunyai sebarang unsur riba sebagai mana khabar angin yang disebarluaskan secara meluas di laman sosial, baru-baru ini.

Pengerusinya, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, PTPTN adalah pembiayaan pendidikan patuh syariah yang telah diputuskan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam pada Jun 2008.

Katanya, ujrah atau upah sebanyak satu peratus setahun atas kadar rata adalah minimum dan bukan bersifat mengambil keuntungan, sebaliknya upah diambil bagi menampung kos operasi termasuk kos pengurusan serta pentadbiran setiap akaun peminjam.

“Sebagai contoh, sekiranya pembiayaan sebanyak RM20,000 dalam tempoh 10 tahun, maka ujrah atau upah dikenakan sebulan hanya RM16.67 dan setahun sebanyak RM200.04 sahaja. Jelas upah ini adalah minimum dan tiada mana-mana institusi kewangan lain mengenakan caj serendah ini.

“Selain itu, peminjam juga tidak dikenakan sebarang upah sekiranya membuat bayaran balik dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Peminjam PTPTN turut



Saluran bayar balik pinjaman PTPTN adalah sama ada melalui kaunter PTPTN di seluruh negara, kaunter ejen, potongan gaji atau pengeluaran akaun kedua Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)."

**SHAMSUL ANUAR NASARAH
Pengerusi PTPTN**

diberikan kemudahan untuk tidak membayar balik walau sesen pun dengan syarat mendapat kepujian kelas pertama,” katanya dalam si-

dang akhbar khas PTPTN di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Shamsul Anuar turut menafikan dakwaan PTPTN mengambil wang sebanyak RM30,000 daripada akaun Tabung Haji peminjamnya.

Beliau berkata, seperti sedia maklum, semua transaksi pengeluaran mahupun pindahan wang yang dibuat bagi mana-mana akaun sama ada melalui bank atau Tabung Haji adalah atas arahan dan kebenaran pemegang akaun itu sendiri.

Jelasnya, bayaran balik pinjaman secara terus melalui simpanan dalam akaun Tabung Haji bukan merupakan saluran yang telah disediakan oleh PTPTN.

“Saluran bayar balik pinjaman PTPTN adalah sama ada melalui kaunter PTPTN di seluruh negara, kaunter ejen, potongan gaji atau pengeluaran akaun kedua Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Selain itu, peminjam juga boleh membuat bayaran secara dalam talian melalui transaksi My-Pay Mobile Web PTPTN, e-Fes dan perbankan internet yang mana transaksi dilakukan oleh peminjam itu sendiri,” ujarnya.

Justeru, beliau menegaskan, PTPTN tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengambil wang simpanan peminjam dan orang awam khususnya netizen diminta agar berhati-hati dan tidak terpedaya dengan khabar angin yang disebarluaskan.